

SISTEM PENGETAHUAN PRIBUMI (IKS): KEPAKARAN PRAKTIKAL DAN KAITAN DALAM ANTROPOLOGI PERUBATAN

INDIGENOUS KNOWLEDGE SYSTEMS (IKS): PRACTICAL EXPERTISE AND RELATIONS IN MEDICAL ANTHROPOLOGY

MOHAMMAD HEAIRYZAL BIN TAMRIN

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, 88400, Kota Kinabalu, Sabah.

E-mail: heairyzy@gmail.com

*Submission Date: 08 September 2025 \ Revision Date: 30 October 2025 \ Acceptance Date: 13 December 2025 *

Publication Date: 31 December 2025

DOI: <https://doi.org/10.51200/jurnalkinabalu.v31i1.7126>

ABSTRAK Kajian ini membincangkan Sistem Pengetahuan Pribumi (*Indigenous Knowledge Systems*, IKS) sebagai kerangka pengetahuan yang relevan dalam bidang antropologi perubatan. Objektif utama kajian ini adalah untuk menghuraikan kepakaran praktikal dalam IKS, menilai hubungannya dengan kesihatan komuniti, dan membincangkan implikasinya terhadap kelestarian. Kaedah kajian menggunakan analisis dokumen sekunder dengan meneliti literatur utama mengenai IKS dan menggabungkannya dengan sintesis lapan domain kepakaran praktikal. Hasil kajian menunjukkan bahawa IKS merangkumi pengetahuan yang luas, termasuk perubatan tradisional, pengurusan alam sekitar, sistem pertanian, etnobotani, ramalan iklim, seni bina, adat, serta amalan spiritual. Dapatan ini membuktikan bahawa IKS berfungsi sebagai sistem holistik yang menyatukan aspek fizikal, sosial, spiritual, dan ekologi dalam menjaga kesejahteraan komuniti. Implikasi kajian ini menegaskan bahawa IKS bukan sahaja berperanan sebagai warisan budaya, tetapi juga mempunyai potensi untuk menyumbang kepada model kesihatan global yang lebih inklusif dan berteraskan komuniti. Oleh itu, pemeliharaan dan integrasi IKS dalam dasar pembangunan kesihatan dan kelestarian amat diperlukan untuk menghadapi cabaran kontemporari.

Kata kunci: Sistem Pengetahuan Pribumi, Perubatan Tradisional, Antropologi Perubatan, Kelestarian, Warisan Budaya

ABSTRACT This study discusses *Indigenous Knowledge Systems (IKS)* as a relevant knowledge framework in the field of medical anthropology. The main objectives are to outline the practical expertise embedded within IKS, to assess its relationship with community health, and to examine its implications for sustainability. The study employed secondary document analysis by reviewing key literature on IKS and synthesising eight domains of practical expertise. The findings reveal that IKS encompasses diverse knowledge, including traditional medicine, environmental management, agricultural systems, ethnobotany, climate forecasting, vernacular architecture, customary law, and spiritual practices. These findings demonstrate that IKS functions as a holistic system integrating physical, social, spiritual, and ecological dimensions in maintaining community well-being. The study highlights that IKS is not only a cultural heritage but also holds potential to contribute to more inclusive and community-based models of global health. Thus, the preservation and integration of IKS into health and sustainability policies are crucial to address contemporary challenges.

Keywords: *Indigenous Knowledge System, Traditional Medicine, Medical Anthropology, Sustainability, Cultural Heritage*

PENDAHULUAN

Sistem Pengetahuan Pribumi (IKS) merujuk kepada himpunan pengetahuan, kemahiran, dan amalan yang diwarisi secara turun-temurun dalam kalangan masyarakat pribumi. Menurut Slikkerveer (1993; 2019), IKS berfungsi sebagai sebuah *expert system* yang bukan sahaja membekalkan jawapan terhadap cabaran survival dan pengurusan sumber, malah berperanan dalam mengekalkan kesejahteraan kesihatan komuniti. Hal ini kerana IKS terbina daripada pengalaman berabad-abad lamanya yang disalurkan melalui penceritaan lisan, ritual, dan amalan harian yang membentuk sistem pengetahuan bersifat holistik. Dalam konteks globalisasi, IKS semakin diiktiraf kerana potensinya dalam melestarikan warisan budaya, mengekalkan keseimbangan ekologi, serta menyumbang kepada pembangunan lestari (Majhi, 2024).

Ciri utama IKS adalah sifatnya yang lokal, kontekstual, dan holistik, berbeza dengan sains moden yang lebih bersifat universal dan kuantitatif. Pengetahuan ini berkembang melalui pemerhatian langsung terhadap alam sekitar, pengalaman praktikal, dan proses pembelajaran kolektif dalam komuniti. Ia juga bersifat dinamik dan adaptif, sentiasa berubah mengikut keperluan serta cabaran persekitaran yang dihadapi masyarakat (BA Notes, 2023; PubAdmin Institute, 2023). Oleh itu, IKS bukan sekadar warisan pengetahuan, tetapi sebuah kerangka dinamik yang terus hidup dan relevan dalam menangani isu kontemporari.

Dalam bidang antropologi perubatan, IKS memainkan peranan penting dalam memahami perspektif komuniti tentang kesihatan, penyakit, dan penyembuhan. Ia merangkumi pelbagai aspek seperti perubatan tradisional, pantang larang, upacara ritual, serta penggunaan tumbuhan ubatan (Kulip, 2003; Vun-Sang & Iqbal, 2023). Selain sebagai medium rawatan, IKS turut berfungsi sebagai sistem pencegahan kesihatan melalui pengetahuan tentang iklim, pertanian, dan alam sekitar yang membantu mengawal wabak serta menjamin keselamatan makanan (PubAdmin Institute, 2023). Konsep kesihatan dalam IKS juga bersifat holistik kerana ia menggabungkan dimensi fizikal, psikologi, sosial, dan spiritual (BA Notes, 2023).

Kajian ini dilaksanakan kerana ia mempunyai beberapa kepentingan yang signifikan. Dari segi akademik, ia menyumbang kepada pembangunan kerangka konseptual yang menghubungkan IKS dengan antropologi perubatan, sekaligus memperluas pemahaman mengenai kesihatan dalam bentuk yang menyeluruh. Dari sudut praktikal, ia dapat membantu pengamal kesihatan, penggubal dasar, serta komuniti untuk mengintegrasikan IKS ke dalam strategi pembangunan kesihatan dan kelestarian. Dari perspektif sosio-budaya, ia menyokong usaha pemeliharaan warisan pengetahuan tradisional agar tidak pupus, sekaligus memperkuat identiti komuniti pribumi. Selain itu, dari sudut global, integrasi IKS dengan sains moden mampu menyokong agenda kesihatan inklusif dalam menghadapi cabaran semasa seperti perubahan iklim, kemunculan penyakit baharu, dan isu keselamatan makanan (BA Notes, 2023; PubAdmin Institute, 2023).

SOROTAN LITERATUR

Kajian-kajian teori mengenai Sistem Pengetahuan Pribumi (*Indigenous Knowledge Systems*, IKS) menegaskan bahawa IKS bukan sekadar himpunan amalan tradisi tetapi satu *expert system* yang sistematik dan berfungsi dalam konteks pembangunan dan kelestarian. Slikkerveer menerangkan evolusi pendekatan *ethnoscience* kepada apa yang beliau panggil '*neo-ethnoscience*', menekankan keperluan perspektif *emic* (*insider*) dan gabungan kaedah

kualitatif-kuantitatif untuk mengobjektifkan dan mendokumentasikan IKS dalam konteks perubahan sosial dan globalisasi. Beliau juga menunjukkan bahawa sub-bidang seperti etnobotani, etnofarmasi dan TEK (*Traditional Ecological Knowledge*) telah menjadi medan penting di mana IKS menyumbang kepada kesihatan awam dan pengurusan sumber.

Dalam bidang perubatan tradisional, bukti empirikal dari pelbagai kajian menunjukkan bahawa majoriti penduduk di negara membangun masih bergantung kepada perubatan tradisional sebagai sumber utama penjagaan kesihatan. Ini membuka ruang bagi pengiktirafan IKS sebagai pelengkap kepada sistem kesihatan moden (WHO, 2019). Kajian etnobotani, contohnya yang mendokumentasikan *pharmacope* tradisional di kawasan Sabah dan Borneo, menonjolkan kepelbagaian tumbuhan perubatan dan potensi farmakologi mereka (Julius Kulip, 2003; Vun-Sang & Iqbal, 2023). Penemuan-penemuan ini mengukuhkan hujah bahawa IKS mengandungi pengetahuan empirikal bernilai untuk etnofarmakologi dan intervensi kesihatan komuniti (Albuquerque et al., 2019; Bodeker & Ong, 2020).

Dari perspektif kelestarian dan pengurusan sumber, literatur menunjukkan bahawa amalan tradisional seperti pantang larang, kawasan keramat, sistem pertanian berbilang spesies dan agroforestri menyumbang kepada pemeliharaan biodiversiti dan kestabilan ekosistem. Slikkerveer dan pengarang lain menekankan bahawa integrasi IKS dalam pembangunan berasaskan komuniti *bottom-up* terbukti lebih mampan berbanding pendekatan *top-down* yang mengabaikan nilai budaya setempat (Slikkerveer, 1993:2019; Berkes, 2018). Pendekatan ini bukan sahaja memberi manfaat ekologi tetapi juga memberi kesan langsung kepada kesihatan melalui pemeliharaan makanan, bekalan air bersih dan habitat yang mengurangkan risiko penyakit (Mistry & Berardi, 2016).

Walaupun terdapat banyak kajian yang mengiktiraf peranan IKS, beberapa jurang pengetahuan jelas muncul dalam literatur. Pertama, dokumentasi sistematik IKS masih tidak mencukupi banyak pengetahuan disimpan secara lisan dan berisiko hilang apabila generasi tua meninggal dunia (Majhi, 2024). Kedua, wujud kekangan metodologi dalam objektiviti IKS: bagaimana membuat kajian yang menghormati perspektif *emic* namun menghasilkan data yang boleh digabungkan dengan sains moden (Slikkerveer, 2019). Ketiga, walaupun terdapat dasar dan inisiatif (contoh: pengiktirafan TM/TCM dalam PHC oleh WHO), model operasional yang jelas untuk mengintegrasikan IKS ke dalam sistem kesihatan kebangsaan dengan cara etikal dan berkesan masih perlu dibangunkan (WHO, 2019; Agrawal, 2020).

Akhirnya, beberapa kajian mencadangkan arah penyelidikan lanjut yang praktikal: (1) dokumentasi etnobotani/etnofarmasi berstruktur dan ujian farmakologi untuk spesies-spesies terpilih; (2) kajian intervensi komuniti berasaskan IKS yang mengukur hasil kesihatan; dan (3) pembangunan rangka dasar yang memudahkan pemindahan pengetahuan secara etika. Cadangan-cadangan ini disokong oleh kajian semasa yang memautkan pemeliharaan warisan budaya dengan ketahanan komuniti serta kelestarian alam sekitar (Majhi, 2024; Nakashima et al., 2018).

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis dokumen sekunder, iaitu meneliti karya-karya utama berkaitan Sistem Pengetahuan Pribumi (IKS) yang ditulis oleh sarjana seperti Slikkerveer (1993; 2019), Majhi (2024), serta kajian lain yang relevan dalam bidang antropologi perubatan, etnobotani, dan kelestarian. Pemilihan pendekatan ini adalah

bertepatan dengan objektif kajian yang bertujuan menghuraikan kepakaran praktikal dalam IKS dan menilai hubungannya dengan antropologi perubatan.

Dari segi reka bentuk penyelidikan, kajian ini berlandaskan analisis kualitatif interpretatif yang memberi penekanan kepada penafsiran makna berdasarkan teks akademik dan laporan penyelidikan terdahulu. Responden secara langsung tidak terlibat, sebaliknya data diperoleh daripada sumber sekunder iaitu artikel jurnal, buku ilmiah, laporan WHO, dan dokumen UNESCO. Prosedur kajian melibatkan tiga fasa: (i) pengumpulan dokumen sekunder berdasarkan tema IKS, perubatan tradisional, dan antropologi perubatan; (ii) pengekstrakan data penting berkaitan amalan perubatan tradisional, pengurusan alam sekitar, dan pengetahuan ekologi; dan (iii) sintesis data mengikut domain kepakaran praktikal IKS yang telah dikenal pasti.

Seterusnya, analisis data dilakukan menggunakan kaedah tematik dengan menstrukturkan dapatan ke dalam lapan domain kepakaran praktikal IKS. Proses analisis ini membolehkan pengkaji mengenal pasti korelevan IKS terhadap antropologi perubatan secara sistematik dan holistik. Hasil analisis ditunjukkan melalui ringkasan metodologi (Jadual 1) bagi memberikan gambaran yang lebih jelas.

Jadual 1: Ringkasan Metodologi Kajian

Aspek	Perincian
Pendekatan Kajian	Kualitatif melalui analisis dokumen sekunder
Sumber Data	Artikel jurnal, buku akademik, laporan WHO, UNESCO, kajian etnobotani
Reka Bentuk Penyelidikan	Analisis kualitatif interpretatif (Literatur sekunder, bukan lapangan)
Prosedur	(i) Pengumpulan Literatur (ii) Pengekstrakan tema (iii) Sintesis tematik
Analisis Data	Analisis Tematik; dikategorikan kepada 8 domain kepakaran IKS
Dapatan	Domain kepakaran IKS (Jadual 2), dan Perbincangan implikasi dalam antropologi perubatan

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan analisis, lapan bidang kepakaran utama dalam IKS dikenal pasti. Bidang kepakaran yang dikenal pasti dikaitkan dengan korelevanannya dengan bidang antropologi perubatan.

Jadual 2: Kepakaran Praktikal dalam Sistem Pengetahuan Pribumi (IKS) dan Kaitan terhadap Antropologi Perubatan.

Bidang Kepakaran	Contoh	Kaitan dalam Antropologi Perubatan	Rujukan Utama
Perubatan Tradisional dan Rawatan	Tumbuhan ubatan, herba, ubatan berasaskan haiwan, rawatan ritual (contoh: amalan <i>bobolian</i> Dusun Tobilung di Sabah).	Menunjukkan sistem kesihatan komuniti yang menggabungkan dimensi bioperubatan, spiritual, dan budaya.	Slikkerveer (1993); WHO (2019); Vun-Sang & Iqbal (2023)
Pertanian dan Sistem Makanan	Pertanian pindah (<i>shifting cultivation</i>), pemuliharaan benih, kawalan perosak organik, ritual makanan.	Keselamatan makanan dan pemakanan berkait langsung dengan kesihatan; ritual pertanian mengekalkan keseimbangan ekologi–kesihatan.	Altieri & Nicholls (2020); Nyong et al. (2021)
Pengurusan Alam Sekitar dan Sumber	Hutan keramat, pantang larang, penuaian berputar (<i>rotational harvesting</i>), perlindungan tadahan air.	Etika ekologi komuniti mempengaruhi kesihatan awam (air bersih, biodiversiti, pencegahan penyakit).	Berkes (2018); Mistry & Berardi (2016)
Etnobotani dan Etnozoologi	Pengelasan tumbuhan untuk perubatan/makanan, ubatan berasaskan haiwan, pengetahuan musim.	Menyumbang kepada farmakope masyarakat pribumi serta makna simbolik tumbuhan/haiwan dalam penyembuhan.	Julius Kulip (2003); Albuquerque et al. (2019)
Pengetahuan Cuaca dan Iklim	Ramalan cuaca berdasarkan bintang, angin, tingkah laku haiwan, kalendar musim.	Membantu dalam pencegahan penyakit bermusim dan kekurangan makanan.	Hiwasaki et al. (2014); Nakashima et al. (2018)
Seni Bina dan Teknologi	Rumah tradisional (tiang rumah), sistem pengairan, anyaman, peralatan tradisional.	Memberi kesan terhadap sanitasi, pengudaraan, serta daya tahan terhadap penyakit bawaan persekitaran.	Oliver (2019); Anchieta et al. (2022)
Organisasi Sosial dan Tadbir Urus	Undang-undang adat, pengurusan tanah/sumber secara komuniti, sistem kekerabatan.	Menentukan akses kepada pengamal perubatan, amalan rawatan, dan norma budaya mengenai penyakit.	Slikkerveer (1993); Agrawal (2020)
Seni, Ritual dan Amalan Spiritual	Penceritaan lisan, upacara, nyanyian, tarian, ukiran simbolik.	Medium penyebaran ilmu kesihatan, pengukuhan penyembuhan spiritual, dan kesejahteraan kolektif.	Ellen (2022); Bodeker & Ong (2020)

Sumber: Adaptasi dari Sistem Pengetahuan Pribumi (Slikkerveer, 1993).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa Sistem Pengetahuan Pribumi (IKS) merupakan satu kerangka pengetahuan yang menyeluruh, merangkumi lapan bidang utama yang saling melengkapi antara satu sama lain dalam memastikan kesejahteraan hidup komuniti. Penemuan ini selari dengan pandangan Slikkerveer bahawa IKS berperanan sebagai sebuah *expert system* yang menggabungkan aspek ekologi, sosial, budaya dan kesihatan dalam satu rangka kerja yang dinamik. Huraian berikut menjelaskan kepentingan setiap bidang tersebut serta kaitannya dengan antropologi perubatan.

Perubatan Tradisional dan Rawatan

Perubatan tradisional merupakan asas terpenting dalam IKS kerana ia berkaitan secara langsung dengan penjagaan kesihatan masyarakat peribumi. Amalan ini melibatkan penggunaan tumbuhan ubatan, ritual penyembuhan, jampi, serta peranan pengamal tradisional seperti *bobolian* dalam komuniti Dusun Tobilung. Pengetahuan ini bukan sahaja terbukti berkesan dalam merawat pelbagai penyakit ringan dan kronik, tetapi juga mengandungi nilai simbolik yang berkait rapat dengan kepercayaan spiritual masyarakat. *World Health Organization* (2019) menunjukkan bahawa lebih 80% penduduk di negara membangun masih bergantung kepada perubatan tradisional sebagai sumber utama penjagaan kesihatan. Implikasi penemuan ini ialah perlunya pendekatan integratif antara sistem kesihatan moden dan pengetahuan tradisional agar rawatan dapat diberikan secara holistik.

Pertanian dan Sistem Makanan

Pertanian tradisional dalam IKS tidak hanya tertumpu kepada penghasilan makanan, tetapi juga berfungsi sebagai strategi kesihatan komuniti. Amalan seperti pertanian pindah (*shifting cultivation*), penanaman pelbagai tanaman dan pemeliharaan benih asli memainkan peranan penting dalam memastikan kestabilan sumber makanan dan mencegah penyakit berkaitan kekurangan zat. Altieri dan Nicholls (2020) menyatakan bahawa agroekologi tradisional menyokong biodiversiti dan meningkatkan keselamatan makanan, sekaligus memberi kesan positif terhadap kesihatan awam. Perbincangan ini menunjukkan bahawa sistem pertanian tempatan adalah sebahagian daripada strategi kesihatan yang tidak boleh dipisahkan daripada antropologi perubatan.

Pengurusan Alam Sekitar

Pengurusan sumber alam secara lestari merupakan komponen penting dalam IKS kerana ia memastikan ketersediaan sumber semula jadi untuk keperluan kesihatan, seperti air bersih, tumbuhan ubatan, dan habitat biodiversiti. Amalan seperti pantang larang, pemuliharaan kawasan hutan keramat dan teknik penuaian berputar mencerminkan pengetahuan ekologi mendalam yang dimiliki oleh masyarakat peribumi. Berkes (2018) menegaskan bahawa pengurusan sumber berdasarkan pengetahuan tempatan membantu mengekalkan ekosistem yang menyokong kesejahteraan manusia. Implikasinya ialah dasar kesihatan awam perlu mengambil kira aspek ekologi kerana persekitaran yang sihat secara langsung mempengaruhi tahap kesihatan manusia.

Etnobotani dan Etnozoologi

Bidang ini memberi tumpuan kepada pengelasan dan penggunaan tumbuhan serta haiwan dalam kehidupan seharian, khususnya dalam perubatan. Ia merangkumi pemahaman mendalam terhadap spesies yang mempunyai nilai terapeutik dan pemakanan. Kajian Julius Kulip (2003) mendokumentasikan lebih daripada 200 spesies tumbuhan ubatan yang digunakan oleh masyarakat Murut di Sabah, membuktikan kepentingan etnobotani sebagai asas kepada penemuan ubat-ubatan moden. Dalam konteks antropologi perubatan, bidang ini menunjukkan bahawa pengetahuan tradisional adalah sumber penting bagi penyelidikan farmakologi moden.

Pengetahuan Cuaca dan Iklim

Pengetahuan tradisional tentang perubahan cuaca dan iklim membolehkan masyarakat merancang aktiviti pertanian, menangani wabak penyakit bermusim, dan memastikan keselamatan makanan. Ramalan berdasarkan tingkah laku haiwan, perubahan angin, atau corak hujan menjadi panduan penting dalam kehidupan harian. Menurut Hiwasaki et al. (2014), integrasi pengetahuan iklim tempatan ke dalam strategi adaptasi dapat meningkatkan daya tahan komuniti terhadap perubahan iklim dan risiko kesihatan yang berkaitan. Hal ini menunjukkan bahawa pengetahuan tradisional bukan sahaja berperanan dalam penyembuhan penyakit tetapi juga dalam pencegahan awal.

Seni Bina dan Teknologi

Aspek seni bina dalam IKS menunjukkan bagaimana struktur rumah, sistem pengairan, dan teknologi tempatan dibangunkan dengan mengambil kira faktor kesihatan dan kelestarian. Contohnya, sistem pengudaraan semula jadi dalam rumah tradisional membantu mengurangkan risiko penyakit pernafasan, manakala sistem pengairan buluh memastikan akses kepada air bersih. Oliver (2019) menyatakan bahawa seni bina vernakular merupakan refleksi langsung adaptasi manusia terhadap persekitaran mereka. Penemuan ini membuktikan bahawa teknologi tradisional boleh menyumbang kepada kesihatan awam melalui reka bentuk ruang hidup yang sesuai dan selamat.

Organisasi Sosial dan Adat

IKS juga merangkumi struktur sosial dan undang-undang adat yang mengawal tingkah laku masyarakat, termasuk dalam aspek kesihatan dan rawatan. Peraturan mengenai pantang larang, penjagaan ibu bersalin, dan pengagihan sumber mencerminkan sistem sokongan sosial yang kukuh. Agrawal (2020) menegaskan bahawa struktur sosial tradisional menyediakan rangka kerja untuk penyebaran pengetahuan dan akses kepada perkhidmatan kesihatan. Hal ini menunjukkan bahawa penyelesaian masalah kesihatan tidak hanya bergantung kepada ubat-ubatan, tetapi juga kepada dinamika sosial dan norma budaya.

Seni, Ritual dan Spiritual

Dimensi spiritual merupakan elemen yang tidak dapat dipisahkan daripada IKS kerana ia memberi makna mendalam kepada proses penyembuhan. Ritual, nyanyian, tarian dan doa berperanan dalam menyokong kesejahteraan psikososial pesakit serta memperkukuh semangat komuniti. Ellen (2022) menekankan bahawa aspek simbolik dalam penyembuhan adalah penting kerana ia mempengaruhi persepsi pesakit terhadap penyakit dan proses pemulihan. Dalam konteks antropologi perubatan, ini menunjukkan bahawa kesihatan harus dilihat secara menyeluruh melibatkan aspek fizikal, emosi, sosial, dan spiritual.

Secara keseluruhannya, dapatan ini membuktikan bahawa IKS merupakan sistem pengetahuan yang komprehensif dan relevan dalam menangani persoalan kesihatan komuniti. Kelapan-lapan bidang ini bukan sahaja mencerminkan adaptasi manusia terhadap persekitaran mereka tetapi juga menyediakan asas penting untuk integrasi dengan sistem kesihatan moden. Implikasi daripada penemuan ini ialah keperluan untuk mengiktiraf, mendokumentasikan, dan menggabungkan IKS ke dalam dasar kesihatan awam bagi mewujudkan sistem penjagaan kesihatan yang lebih holistik, berteraskan komuniti, dan lestari.

PERBINCANGAN

Dalam konteks antropologi perubatan, IKS berperanan sebagai satu kerangka konseptual yang menerangkan bagaimana budaya mempengaruhi amalan penjagaan kesihatan. Oleh itu, dalam bidang antropologi perubatan sendiri, perubatan tradisional dan rawatan dianggap sebagai kepakaran utama kerana ia menjadi wahana untuk memahami hubungan antara tubuh, minda, budaya, dan spiritualiti masyarakat pribumi. Ia memperlihatkan bagaimana aspek budaya dan simbolisme membentuk sistem penjagaan kesihatan yang bersifat holistik dan berasaskan komuniti.

Pemilihan bidang perubatan tradisional dan rawatan sebagai fokus utama daripada lapar kepakaran Sistem Pengetahuan Pribumi (IKS) dibuat kerana bidang ini mempunyai hubungan langsung dengan kesejahteraan fizikal, mental, sosial dan spiritual komuniti. IKS berfungsi sebagai sistem pengetahuan masyarakat yang membantu memahami cara komuniti mentafsirkan kesihatan, penyakit, dan penyembuhan berdasarkan pengalaman, kepercayaan, serta interaksi mereka dengan alam sekitar.

Bidang perubatan tradisional dan rawatan ini dipilih kerana ia menjadi teras utama dalam sistem IKS, yang mana ia menggabungkan pengetahuan daripada bidang lain seperti etnobotani, pertanian, dan amalan ritual. Pengetahuan tumbuhan ubatan, pantang larang kesihatan, serta peranan pengamal seperti *bobolian* dalam komuniti Dusun Tobilung misalnya, memperlihatkan kesinambungan pengetahuan turun-temurun yang bukan sahaja berfungsi sebagai rawatan fizikal, tetapi juga pengukuhan identiti dan keseimbangan spiritual masyarakat. Hal ini menunjukkan bahawa amalan perubatan tradisional bukan sekadar warisan budaya, tetapi juga mekanisme sosial yang menyatukan komuniti dalam menghadapi cabaran kesihatan.

Dari segi akademik, bidang ini menarik kerana ia membuka ruang penyelidikan antara disiplin antara antropologi, farmakologi, ekologi dan kesihatan awam. Kajian terhadap perubatan tradisional dapat memberikan sumbangan besar kepada pembangunan model kesihatan yang lebih inklusif dan lestari. Seiring dengan laporan World Health Organization (2019) bahawa lebih 80% penduduk dunia masih menggunakan perubatan tradisional, bidang ini menjadi relevan untuk diteroka dalam konteks Malaysia, khususnya di Sabah yang kaya dengan biodiversiti dan amalan penyembuhan etnik. Kepelbagaian ini menjadikan perubatan tradisional bukan sahaja penting dari segi saintifik, tetapi juga dari sudut pemeliharaan identiti budaya dan warisan pengetahuan tempatan.

KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan untuk menghuraikan kepakaran praktikal dalam Sistem Pengetahuan Pribumi (IKS) dan menilai hubungannya dengan bidang antropologi perubatan. Berdasarkan analisis dokumen sekunder, lapang domain utama telah dikenal pasti iaitu perubatan tradisional, pertanian dan sistem makanan, pengurusan alam sekitar, etnobotani dan etnozooologi, pengetahuan cuaca dan iklim, seni bina dan teknologi, organisasi sosial dan adat, serta seni, ritual dan spiritual. Penemuan ini menunjukkan bahawa IKS berfungsi sebagai sistem pengetahuan holistik yang menyatukan dimensi fizikal, sosial, ekologi, dan spiritual dalam memastikan kesejahteraan komuniti. Hal ini menjawab persoalan kajian bahawa kepakaran praktikal IKS bukan sekadar warisan budaya, tetapi juga kerangka penting dalam memahami, mencegah, dan merawat penyakit dalam konteks antropologi perubatan.

Implikasi kajian ini menegaskan bahawa IKS perlu diberikan pengiktirafan yang sewajarnya dalam dasar kesihatan dan pembangunan lestari. Pengetahuan tradisional yang diwarisi komuniti peribumi berpotensi besar untuk digabungkan dengan sains moden dalam mewujudkan model kesihatan yang lebih inklusif, berteraskan komuniti, dan mampan. Ia juga memperkukuh identiti budaya serta menyediakan daya tahan sosial dalam menghadapi cabaran global seperti perubahan iklim, kemunculan penyakit baharu, dan krisis keselamatan makanan.

Namun begitu, kajian ini mempunyai beberapa batasan. Pertama, ia bergantung kepada analisis dokumen sekunder dan tidak melibatkan kajian lapangan secara langsung dengan responden komuniti peribumi. Kedua, keterbatasan akses kepada data primer menyebabkan hasil kajian terhad kepada analisis konsep dan literatur yang sedia ada. Oleh itu, penyelidikan akan datang perlu memberi tumpuan kepada kerja lapangan etnografi yang mendalam, dokumentasi langsung bersama pengamal tradisional, serta analisis farmakologi moden terhadap tumbuhan ubatan yang digunakan dalam IKS. Kajian lanjutan juga wajar meneliti strategi praktikal untuk mengintegrasikan IKS ke dalam sistem kesihatan kebangsaan dengan cara yang beretika dan berkesan.

Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa IKS bukan sahaja penting sebagai warisan budaya, tetapi juga merupakan sumber pengetahuan yang signifikan dalam pembangunan kesihatan global. Pengiktirafan, dokumentasi, dan integrasi IKS adalah langkah penting untuk memastikan ia terus relevan dalam menghadapi cabaran kontemporari serta memberikan sumbangan bermakna kepada antropologi perubatan dan kelestarian sejagat.

RUJUKAN

- Agrawal, A. (2020). *Indigenous knowledge and governance systems. Annual Review of Anthropology*, 49, 151–167.
- Albuquerque, U. P., Alves, R. R. N., & Santos, C. A. (2019). *Introduction to ethnobiology*. Springer.
- Altieri, M. A., & Nicholls, C. I. (2020). Agroecology and the emergence of a post COVID-19 agriculture. *Agriculture and Human Values*, 37(3), 525–526.
- Anchieta, J., Oliveira, R., & Santos, J. (2022). Vernacular architecture and resilience in Indigenous communities. *Journal of Environmental Design*, 29(4), 233–247.
- BA Notes. (2023). *Indigenous knowledge systems: Foundations and distinctions*. BA Notes. Retrived from <https://banotes.org/indigenous-people-anthropology/indigenous-knowledge-systems-foundations-distinctions/>
- Berkes, F. (2018). *Sacred ecology* (4th ed.). Routledge.

- Bodeker, G., & Ong, C. K. (2020). *WHO global atlas of traditional, complementary and alternative medicine*. World Health Organization.
- Ellen, R. (2022). *The cultural cognition of health and healing*. Routledge.
- Hiwasaki, L., Luna, E., Syamsidik, & Shaw, R. (2014). Local and indigenous knowledge for community resilience. *UNESCO Working Paper Series on Climate Change and Disaster Risk Reduction*. Jakarta: UNESCO.
- Julius Kulip. (2003). An ethnobotanical survey of medicine and other useful plants of Murut in Sabah, Malaysia. *Telopea*, 10(1), 81–98.
- Majhi, J. (2024). Indigenous knowledge system: Preserving cultural heritage and promoting sustainability. *Journal of Multidisciplinary Studies*, 12(1), 45–59.
- Mistry, J., & Berardi, A. (2016). Bridging indigenous and scientific knowledge. *Science*, 352(6291), 1274–1275.
- Nakashima, D., Krupnik, I., & Rubis, J. (2018). *Indigenous knowledge for climate change assessment and adaptation*. Cambridge University Press.
- Nyong, A., Adesina, F., & Elasha, B. (2021). The value of indigenous knowledge in climate adaptation. *Climate Policy*, 21(6), 765–778.
- Oliver, P. (2019). *Vernacular architecture: A world survey*. Routledge.
- PubAdmin Institute. (2023). *Key characteristics of indigenous knowledge: A deep dive*. PubAdmin Institute. Retrived from <https://pubadmin.institute/disaster-management/key-characteristics-of-indigenous-knowledge>
- Slikkerveer, L. J. (1993). Indigenous knowledge systems as expert systems. In L. J. Slikkerveer, G. J. van den Broek, B. van Heusden, & R. J. (Eds.), *Indigenous knowledge systems as expert systems*. Leiden University.
- Slikkerveer, L. J. (2019). *Indigenous knowledge and sustainable development*. Routledge.
- Vun-Sang, S., & Iqbal, M. (2023). Phytochemical analysis and antioxidant activity of *Ficus septica* leaves. *Malaysian Journal of Science*, 42(2), 33–44.
- World Health Organization. (2019). *WHO global report on traditional and complementary medicine 2019*. World Health Organization.